



23 MAY, 2024

## Gudang tiada lesen diserbu, beras RM2.1 juta dirampas

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2



Pegawai KPB memeriksa beras yang disimpan dalam sebuah gudang tidak berlesen di Sibu, Sarawak.

(Foto FB Mohamad Sabu)

# Gudang tiada lesen diserbu, beras RM2.1 juta dirampas

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 645.75 tan beras pelbagai gred, termasuk Beras Putih Import (BPI), dianggarkan bernilai RM2.1 juta dirampas dari sebuah gudang di Sibu, Sarawak, minggu lalu.

Rampasan dibuat menerusi serbuan bersepada Op TARING BRAVO 3 dilancarkan Kawalselia Padi dan Beras (KPB) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Agensi Pintu Masuk dan Sempadan Malaysia (MCBA), pada 15 dan 16 Mei lalu.

Dalam satu kenyataan semalam, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), memaklumkan hasil pemeriksaan mendapati premis perniagaan terbabit tiada lesen di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522).

"KPB menyita stok beras terbabit serta dokumen berkaitan bagi siasatan lanjut di bawah Akta 522 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras

(Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996 PU (A) 624.

"Siasatan turut dijalankan terhadap syarikat terbabit, sama ada terbabit dalam aktiviti penyelewengian barang kawalan bersubsidi, iaitu BPI," menurut kenyataan berkenaan.

Menurut KPBM, penyelewengian barang bersubsidi adalah tindakan tidak bertanggungjawab yang membawa kerugian kepada negara, sekali gus menyebabkan rakyat tidak dapat membeli barang itu.

Ini kerana, kerajaan bersetuju memberi subsidi BPI bernilai RM950 setiap tan pada peringkat borong bagi Sabah, Sarawak dan Labuan dengan harga jualan runcit tidak melebihi RM31 setiap kampit 10 kilogram, mulai 5 Oktober lalu.

"KPB sentiasa bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan negara iaitu MCBA, PDRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Da-

lam Negeri dan Kos Sara Hidup serta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

"Kerjasama itu dalam mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan bagi mengekang cubaan menyelweng BPI di Sabah dan Sarawak. Ia termasuk cubaan membawa keluar beras terbabit dari sempadan negara.

"KPB memberi peringatan kepada semua pemegang lesen supaya mematuhi perundangan di bawah Akta 522 dan peraturan di bawahnya. Tindakan tegas akan diambil jika pemegang lesen gagal mematuhi," menurut kenyataan itu lagi.

Mereka yang ada maklumat berkaitan sebarang pelanggaran undang-undang mengenai padi dan beras, diminta menerangkan melalui Portal Aduan KPB <https://skpb.kpkm.gov.my/adu>.

Boleh juga hubungi Ibu Pejabat KPB di Putrajaya di talian 03-88701751/1748/1183.



23 MAY, 2024

## Gudang tiada lesen diserbu, beras RM2.1 juta dirampas

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kuala Lumpur: Sebanyak 645.75 tan beras pelbagai gred, termasuk Beras Putih Import (BPI), dianggarkan bernilai RM2.1 juta dirampas dari sebuah gudang di Sibu, Sarawak, minggu lalu. Rampasan dibuat menerusi serbuan bersepadu Op TARING BRAVO 3 dilancarkan Kawalselia Padi dan Beras (KPB) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Agensi Pintu Masuk dan Sempadan Malaysia (MCBA), pada 15 dan 16 Mei lalu.